KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PROGRAM REZEKI TANI

Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Putrajaya

30 Mac 2021

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
ISTILAH / SINGKATAN	**4**
1.0 TUJUAN	**5**
2.0 LATAR BELAKANG	**5**
3.0 OBJEKTIF	**5**
4.0 KUMPULAN SASAR	**6**
5.0 SKOP DAN KADAR BANTUAN	**6**
6.0 KAEDAH PELAKSANAAN	**9**
7.0 LATIHAN DAN MODUL	**13**
8.0 PEMANTAUAN DAN PELAPORAN PRESTASI PROGRAM	**14**
9.0 BANTUAN PELUANG KEDUA	**15**
10.0 KEKECUALIAN	**16**
11.0 TARIKH KUAT KUASA	**16**
12.0 MAKLUMAT LANJUT	**17**

CARTA ALIR PROGRAM REZEKI TANI	**18**
LAMPIRAN 1: BORANG BANCIAN CALON PESERTA PROGRAM REZEKI TANI	**19**
LAMPIRAN 2: AKU JANJI PESERTA PROGRAM REZEKI TANI	**25**
LAMPIRAN 3: AKUAN PENERIMAAN BANTUAN PROGRAM REZEKI TANI	**27**
LAMPIRAN 4: TATACARA PENGGUNAAN SISTEM EKASIH	**28**

ISTILAH / SINGKATAN	
DOA	Jabatan Pertanian
DOF	Jabatan Perikanan
DVS	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Malaysia
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LPNM	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
Sistem eKasih	Sistem eKasih merupakan satu sistem pangkalan data kemiskinan yang diwujudkan di peringkat nasional bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan yang diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM).
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) merupakan pendapatan isi rumah yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (EPU, MEA) sebagai pengukuran kepada status kemiskinan sesuatu isi rumah yang berdaftar dalam Sistem eKasih.

1.0 TUJUAN

1.1 Garis panduan ini bertujuan menerangkan dasar dan kaedah pelaksanaan Program Rezeki Tani sebagai panduan kepada Jabatan dan Agensi pelaksana Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

1.2 Penyediaan garis panduan ini juga adalah bagi menyelaras pelaksanaan Program Rezeki Tani oleh Jabatan dan Agensi pelaksana di negeri-negeri dan daerah-daerah berkaitan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Program Rezeki Tani merupakan sebuah program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan di bawah Kementerian.

2.2 Pelaksanaan Program Rezeki Tani dipertanggungjawab kepada tiga (3) Jabatan dan tujuh (7) Agensi di bawah Kementerian iaitu **DOA, DOF, DVS, FAMA, LPP, LKIM, LPNM, MARDI, MADA dan KADA.**

3.0 OBJEKTIF

3.1 Objektif Program Rezeki Tani adalah untuk:

(i) membantu meningkatkan pendapatan peserta melalui projek-projek ekonomi yang melibatkan aktiviti pengeluaran / pemprosesan / pengedaran / pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan;

(ii) mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran serta daya saing peserta melalui latihan-latihan di bawah Program Rezeki Tani; dan

(iii) mengenal pasti peserta-peserta yang berpotensi untuk dinaikkan ke tahap yang lebih tinggi.

4.0 KUMPULAN SASAR

4.1 Kriteria peserta projek adalah sepertimana berikut :

(i) berdaftar dalam Sistem eKasih dengan pendapatan isi rumah sehingga 20% selepas had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa;

(ii) berminat, berpengalaman, berkemahiran atau sedang menjalankan aktiviti pengeluaran / pemprosesan / pengedaran / pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan;

(iii) peserta tidak pernah menerima sebarang bantuan ekonomi (tertakluk kepada pertimbangan Jabatan dan Agensi pelaksana); dan

(iv) peserta berumur di antara 18 hingga 60 tahun.

5.0 SKOP DAN KADAR BANTUAN

5.1 Projek-projek ekonomi yang dilaksana hendaklah memberi tumpuan kepada jenis-jenis projek yang **mengeluarkan hasil dalam tempoh yang pendek *(Quick Win Project)* iaitu di antara 3 hingga 6**

bulan pelaksanaannya, berpotensi memberi pulangan yang baik, produk yang mudah dipasarkan, berdaya maju (*viable*), berdaya tahan (*sustainable*) serta mengikut kesesuaian persekitaran dan tempat.

5.2 **Skop** Program Rezeki Tani merangkumi semua aktiviti-aktiviti seperti berikut:

(i) pertanian bagi tanaman singkat masa;

(ii) penternakan bagi penambahan input projek sedia ada;

(iii) perikanan bagi penambahan input projek sedia ada;

(iv) pemasaran hasil pertanian, penternakan dan perikanan; dan

(v) pemprosesan dan pemasaran produk makanan dan bukan makanan berasaskan pertanian termasuk jualan makanan dan minuman.

5.3 **Kadar bantuan maksimum bagi seorang peserta adalah sebanyak RM10,000.** Kadar bantuan ini meliputi perkara-perkara berikut:

(i) kos pelaksanaan projek iaitu pemberian ***in-kind*** **seperti kos peralatan, input pertanian / penternakan / perikanan, bahan mentah, lesen, pembungkusan, pelabelan, pembangunan dan operasi** bergantung kepada keperluan dan kemajuan projek peserta; dan

(ii) **kos latihan** dan **kos pengurusan** adalah **tidak melebihi RM1,000** bagi setiap peserta. Kos ini merangkumi:

(a) Latihan Program Rezeki Tani yang diwajibkan kepada setiap peserta;

(b) latihan teknikal yang bersesuaian serta mengikut keperluan peserta; dan

(c) kos pengurusan termasuk kos operasi dan kos-kos lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pelaksanaan Program Rezeki Tani peringkat Kementerian.

5.4 **Bantuan tambahan** dengan kadar **maksimum sebanyak RM2,000** bagi setiap peserta boleh dipertimbangkan mengikut keperluan dan kemajuan projek peserta berdasarkan kriteria seperti berikut:

(i) projek telah dijalankan selama satu (1) tahun; dan

(ii) pendapatan projek meningkat sebanyak 20% selepas menerima bantuan pertama.

5.5 Jabatan dan Agensi pelaksana perlu mengemukakan surat permohonan dan laporan peserta kepada urus setia Program Rezeki Tani Kementerian. Kelulusan pemberian bantuan tambahan ini adalah berdasarkan keputusan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pelaksanaan Program Rezeki Tani peringkat Kementerian.

5.6 Baki peruntukan yang tidak habis dibelanjakan boleh digunakan untuk menambah penyertaan peserta baharu atau dipulangkan kepada Kementerian. Walau bagaimanapun, Jabatan dan Agensi pelaksana perlu membuat permohonan kepada Kementerian untuk menggunakan baki tersebut bagi tujuan berikut:

(i) memberi bantuan tambahan dan / atau latihan-latihan bersesuaian yang diperlukan oleh peserta; dan / atau

(ii) bantuan peluang kedua untuk projek peserta yang terhenti akibat dilanda bencana alam, kebakaran, kecurian, penyakit dan sebagainya; dan / atau

(iii) lain-lain perkara yang berkaitan dengan Program Rezeki Tani.

6.0 KAEDAH PELAKSANAAN

6.1 Kementerian Pertanian dan Industri Makanan berfungsi sebagai penyelaras utama dalam menggubal dasar dan strategi pelaksanaan program dengan membuat perancangan, penyelarasan dan pemantauan pada peringkat nasional.

6.2 Jabatan dan Agensi pelaksana peringkat Ibu Pejabat bertanggungjawab merangka strategi pelaksanaan program dengan membuat perancangan, penyelarasan dan pemantauan pada peringkat negeri dan daerah terpilih.

6.3 Kementerian / Jabatan / Agensi perlu membuat hebahan tentang pelaksanaan program ini kepada kumpulan sasar melalui kaedah / platform yang bersesuaian supaya mereka yang berkelayakan boleh memohon.

6.4 Senarai nama calon peserta hendaklah dirujuk dalam Sistem eKasih.

6.5 Jabatan dan Agensi pelaksana perlu menjalankan bancian kelayakan calon peserta menggunakan **Borang Bancian Calon**

Peserta Program Rezeki Tani (Rujuk Lampiran 1) dan memastikan:

(i) peserta mempunyai minat, pengalaman, kemahiran atau sedang menjalankan projek bagi menjamin kelestarian serta keberkesanan program;

(ii) peserta tidak pernah menerima sebarang bantuan projek ekonomi (tertakluk kepada pertimbangan Jabatan dan Agensi pelaksana);

(iii) lokasi projek adalah bersesuaian dan selamat;

(iv) peralatan / bantuan bersesuaian dengan keperluan projek serta mendapat persetujuan peserta dan pegawai pelaksana;

(v) produk / projek peserta mudah dipasarkan / mempunyai pasaran yang baik; dan

(vi) projek yang dijalankan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

6.6 **Pemilihan peserta adalah tertakluk kepada hasil keputusan Jawatankuasa Program Rezeki Tani Jabatan dan Agensi pelaksana peringkat Ibu Pejabat / Negeri.**

6.7 **Fail individu peserta** perlu diwujudkan bagi tujuan merekod dokumen-dokumen seperti berikut:

(i) salinan kad pengenalan;

(ii) salinan maklumat bantuan peserta dalam Sistem eKasih;

(iii) Borang Bancian Calon Peserta Program Rezeki Tani **(Rujuk Lampiran 1)**;

(iv) salinan surat jemputan latihan-latihan Program Rezeki Tani;

(v) salinan sijil penyertaan latihan-latihan Program Rezeki Tani;

(vi) salinan perolehan bantuan peserta;

(vii) Aku Janji Peserta Program Rezeki Tani **(Rujuk Lampiran 2)**;

(viii) Akuan Penerimaan Bantuan Program Rezeki Tani **(Rujuk Lampiran 3)**;

(ix) Laporan Pemantauan Program Rezeki Tani; dan

(x) gambar-gambar dan dokumen lain yang berkaitan.

6.8 Peserta yang telah dipilih wajib mengikuti Latihan Program Rezeki Tani.

6.9 Proses perolehan seperti pembelian terus, sebut harga, tender atau tuntutan pembayaran hendaklah dibuat secara teratur mengguna pakai Peraturan dan Tatacara Kewangan semasa Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia atau Peraturan dan Tatacara Kewangan Agensi pelaksana.

6.10 Semasa penyerahan bantuan, Jabatan dan Agensi pelaksana hendaklah memastikan:

(i) pegawai pelaksana hadir bersama;

(ii) peralatan projek yang dibekalkan kepada peserta berfungsi dengan baik;

(iii) pembekal melakukan demonstrasi kaedah penggunaan peralatan projek yang diserahkan kepada peserta dan peserta faham serta berupaya menggunakannya;

(iv) peserta menandatangani Aku Janji Peserta Program Rezeki Tani dan Akuan Penerimaan Bantuan Program Rezeki Tani; dan

(v) gambar-gambar penyerahan bantuan diambil dengan jelas.

6.11 Maklumat Program Rezeki Tani hendaklah didaftarkan pada profail peserta dalam Sistem eKasih **(Rujuk Lampiran 4)**. **Pembersihan data** peserta dalam Sistem eKasih juga perlu sentiasa dibuat bagi memastikan hanya penama yang telah menerima bantuan Program Rezeki Tani sahaja didaftarkan sebagai peserta.

6.12 Pemindahan teknologi yang bersesuaian kepada peserta perlu dilaksanakan bersama Jabatan / Agensi yang mempunyai sumber dan kepakaran bagi membantu kejayaan projek.

6.13 Proses bimbingan dan pemantauan ke atas peserta hendaklah dijalankan secara kerap pada peringkat awal pelaksanaan bagi memastikan kelancaran projek.

6.14 Pendapatan projek peserta dikemas kini dalam pangkalan data peserta Program Rezeki Tani secara berkala.

6.15 Prestasi projek dilaporkan secara rasmi setiap suku tahun dan / atau pada bila-bila masa yang diperlukan oleh urus setia Program Rezeki Tani di Kementerian.

7.0 LATIHAN DAN MODUL

7.1 Peserta wajib menghadiri Latihan Program Rezeki Tani disediakan oleh Jabatan dan Agensi pelaksana.

7.2 Modul-modul yang boleh diterapkan adalah:

(i) **Modul Perancangan Projek**
Modul ini memberi pendedahan kepada peserta dalam aspek pengurusan kewangan dan pelan pelaksanaan projek.

(ii) **Modul Motivasi**
Modul ini memberi penekanan kepada perkara-perkara berkaitan pembangunan jati diri dan kerohanian.

(iii) **Modul Asas Keusahawanan**
Modul ini menerangkan ciri-ciri usahawan berjaya, cabaran dunia perniagaan, mengenali keunikan produk, keperluan pasaran, peluang perniagaan semasa dan lain-lain.

(iv) **Modul Perkongsian Kejayaan Usahawan Berjaya**
Modul ini disampaikan oleh usahawan yang telah berjaya meningkatkan pendapatan dan mengeluarkan diri serta keluarga daripada kemiskinan.

7.3 Jabatan dan Agensi pelaksana boleh menyediakan latihan tambahan yang diperlukan oleh peserta bagi melaksanakan projek dengan lebih berkesan.

8.0 PEMANTAUAN DAN PELAPORAN PRESTASI PROGRAM

8.1 Jabatan dan Agensi pelaksana perlu membuat **pemantauan secara berkala ke atas peserta bagi tempoh 18 bulan setelah peserta menerima bantuan peralatan.**

8.2 **Kaedah pelaksanaan pemantauan dan penyediaan laporan penamatan pemantauan** projek adalah berdasarkan prosedur operasi standard yang diluluskan dalam Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pelaksanaan Program Rezeki Tani peringkat Kementerian.

8.3 Prestasi Pelaksanaan Program Rezeki Tani hendaklah dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Pelaksanaan Program Rezeki Tani secara berkala. Sebarang masalah dan penambahbaikan program boleh dibincangkan pada mesyuarat tersebut.

8.4 Jabatan dan Agensi pelaksana bertanggungjawab **melaporkan secara rasmi prestasi kemajuan projek dan perbelanjaan peruntukan** setiap suku tahun kepada urus setia Program Rezeki Tani Kementerian.

8.5 Pegawai pelaksana perlu melaporkan kepada pihak Ibu Pejabat Jabatan dan Agensi pelaksana masing-masing sekiranya:

(i) terdapat perubahan pada bilangan peserta, operasi, skop, kos atau belanjawan projek;

(ii) projek peserta terjejas disebabkan oleh bencana alam, kebakaran, kecurian dan serangan penyakit / perosak ke atas tanaman / ternakan / perikanan; dan

(iii) peserta asal meninggal dunia, berpindah negeri atau tidak dapat dikesan.

8.6 Jabatan dan Agensi pelaksana hendaklah melaporkan dengan segera kepada urus setia Program Rezeki Tani Kementerian mengenai sebarang projek yang bermasalah, gagal atau ditamatkan operasi.

8.7 Jabatan dan Agensi pelaksana perlu memastikan kesemua dokumen berkaitan projek peserta difailkan untuk tujuan rujukan dan audit.

9.0 BANTUAN PELUANG KEDUA

9.1 Bantuan Peluang Kedua bertujuan membolehkan peserta meneruskan projek yang terhenti akibat dilanda bencana alam, kebakaran, kecurian atau serangan penyakit / perosak ke atas tanaman / ternakan / perikanan.

9.2 Jabatan dan Agensi pelaksana yang hendak mengemukakan **permohonan Bantuan Peluang Kedua** perlu mengambil tindakan sepertimana berikut:

(i) mengadakan lawatan ke tapak projek yang bermasalah untuk menilai kerugian dan keperluan projek;

(ii) menyediakan laporan lengkap berserta gambar berkaitan sebagai bukti; dan

(iii) memajukan surat permohonan berserta laporan lengkap Bantuan Peluang Kedua kepada urus setia Program Rezeki Tani Kementerian.

9.3 **Kadar pemberian Bantuan Peluang Kedua** adalah berdasarkan keputusan Jawatankuasa Penilai yang terdiri daripada pegawai pelaksana di daerah atau negeri dan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pelaksanaan Program Rezeki Tani peringkat Kementerian. Had maksimum yang ditetapkan adalah sebanyak RM9,000 mengikut keperluan projek peserta.

9.4 Kelulusan Bantuan Peluang Kedua adalah di bawah kuasa Ketua Setiausaha Kementerian selaku Pegawai Pengawal.

10.0 KEKECUALIAN

Jabatan dan Agensi pelaksana hendaklah mematuhi garis panduan pelaksanaan ini. Sebarang perubahan berhubung ketetapan dalam garis panduan ini perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

11.0 TARIKH KUAT KUASA


Garis Panduan Pelaksanaan Program Rezeki Tani ini **berkuat kuasa pada 30 Mac 2021.**

12.0 MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan Program Rezeki Tani, sila hubungi:

Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani,
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan,
Aras G, Bangunan 4G2, No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8870 1798 / 3192 / 4391

CARTA ALIR PELAKSANAAN PROGRAM REZEKI TANI



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

BORANG BANCIAN CALON PESERTA
PROGRAM REZEKI TANI

MAKLUMAT PEGAWAI PEMBANCI

Jabatan / Agensi: _____

Negeri / Daerah: _____

Nama Pegawai: _____

Nombor Telefon: _____

Tarikh: _____ Masa: _____

A. MAKLUMAT CALON PESERTA	
1) Pelaksana Projek	☐ Ketua Isi Rumah (KIR) ☐ Ahli Isi Rumah (AIR) : ☐ Suami ☐ Isteri ☐ Anak ☐ Ahli keluarga (yang tinggal serumah) ☐ Lain-lain : _____
2) Nama KIR	
3) Nombor Kad Pengenalan KIR	
4) Nama AIR	*Lengkapkan sekiranya AIR yang akan menjalankan projek*
5) Nombor Kad Pengenalan AIR	
6) Nombor Telefon KIR / AIR	
7) Alamat Rumah	

<table>
<tr><td>8) Status Rumah</td><td>☐ Rumah Sendiri ☐ Rumah Pusaka
☐ Rumah Sewa ☐ Rumah PPRT
☐ Lain-lain (nyatakan) : _____
_____</td></tr>
<tr><td>9) Keadaan Rumah</td><td></td></tr>
<tr><td>10) Tahap pendidikan calon</td><td></td></tr>
<tr><td>11) Maklumat keluarga yang tinggal serumah</td><td>
<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Bilangan (orang)</th></tr>
<tr><td>Ahli isi rumah (tidak termasuk peserta)</td><td></td></tr>
<tr><td>Anak masih bersekolah</td><td></td></tr>
<tr><td>Anak yang telah berkahwin</td><td></td></tr>
<tr><td>Ahli keluarga menghidap penyakit kronik dan memerlukan rawatan setiap bulan</td><td></td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>12) Semakan Sistem eKasih</td><td>a) Status kemiskinan dalam Sistem eKasih
<table>
<tr><th>Senarai eKasih</th><th>Senarai Penerima Bantuan (SPB)</th></tr>
<tr><td>☐ Miskin Tegar
☐ Miskin
☐ Terkeluar</td><td>☐ Di Bawah PGK
☐ Melepasi PGK</td></tr>
</table>
b) Pendapatan Per Kapita : RM _____</td></tr>
<tr><td>13) Pekerjaan semasa calon</td><td>☐ Makan gaji : _____
☐ Bekerja sendiri : _____
☐ Lain-lain : _____</td></tr>
<tr><td>14) Pendapatan bulanan calon</td><td>RM _____</td></tr>
</table>

15) Pekerjaan ahli keluarga yang tinggal serumah

Ahli keluarga	Pekerjaan	Pendapatan bulanan (RM)
Suami		
Isteri		
Anak-anak		
Ahli keluarga lain		
Lain-lain		

16) Bantuan ekonomi daripada pihak kerajaan yang pernah diterima oleh peserta atau ahli isi rumah

Senarai bantuan ekonomi	Tahun terima bantuan

B. MAKLUMAT CADANGAN PROJEK	
1) Projek	
2) Pengalaman	☐ Calon peserta berpengalaman menjalankan projek selama _____ tahun. ☐ Calon peserta tidak mempunyai pengalaman menjalankan projek.
3) Lokasi pelaksanaan projek	
4) Kaedah pemasaran produk	*NYATAKAN BAGAIMANA DAN DI MANA PRODUK DIPASARKAN.*
5) Bantuan yang diperlukan	
6) Maklumat-maklumat lain yang berkaitan	

C. PENILAIAN PEGAWAI

1) Pemilihan peserta

Perkara	Ya	Tidak
a) Berpengalaman menjalankan projek yang dicadangkan		
b) Berkemahiran dengan projek yang dicadangkan		
c) Sedang menjalankan projek yang dicadangkan		
d) Berminat memajukan projek yang dicadangkan		
e) Projek yang dicadangkan berpotensi untuk meningkatkan pendapatan		
f) Peserta mempunyai hubungan / pertalian persaudaraan dengan pegawai Jabatan / Agensi pelaksana		

2) Pemilihan projek

a) Skop projek :

- ☐ Pertanian
- ☐ Penternakan
- ☐ Perikanan
- ☐ Pemasaran hasil pertanian, penternakan dan perikanan
- ☐ Pemprosesan dan pemasaran produk makanan dan bukan makanan berasaskan pertanian termasuk jualan makanan dan minuman

b) Jenis projek : _____

_____

3) Penilaian risiko

Perkara	Ya	Tidak
a) Adakah lokasi / tapak projek bersesuaian?		
b) Adakah lokasi / tapak projek terdedah dengan bencana alam seperti banjir / kecurian / lain-lain?		
c) Adakah produk projek yang dicadangkan mudah untuk dipasarkan?		

4) Pemilihan bantuan / peralatan

Perkara	Ya	Tidak
a) Adakah bantuan / peralatan yang dipohon amat diperlukan dan bersesuaian dengan skala projek peserta?		
b) Adakah saiz dan jenis peralatan elektrik yang dipohon bersesuaian dengan rumah / premis projek?		
c) Adakah calon peserta berupaya menggunakan bantuan / peralatan yang dipohon?		
d) Adakah bantuan / peralatan yang akan diberikan berpotensi meningkatkan pendapatan peserta?		

KEPUTUSAN PENILAIAN
1) Adakah calon peserta ini layak menerima bantuan ekonomi daripada program ini? ☐ Ya ☐ Tidak 2) Ulasan / Catatan : _____ _____ _____ _____ Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya mengemukakan sebarang butiran yang palsu, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Klausa 463 Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574) atau mana-mana peraturan lain yang berkuat kuasa. Tandatangan : _____ Nama Pegawai : _____ No. Kad Pengenalan : _____ Tarikh : _____ Cop Rasmi Jabatan / Agensi :

KEPUTUSAN MESYUARAT	
Diterima sebagai peserta Program Rezeki Tani	
Tidak diterima sebagai peserta Program Rezeki Tani	

SILA LAMPIRAN DOKUMEN-DOKUMEN BERIKUT BERSAMA BORANG BANCIAN CALON PESERTA	
1) Salinan kad pengenalan calon peserta	
2) Salinan maklumat bantuan calon peserta dalam Sistem eKasih	
3) Gambar calon peserta	
4) Gambar rumah calon peserta	
5) Gambar tapak projek	
6) Gambar persekitaran tapak projek	
7) Gambar projek / aktiviti yang sedang dijalankan calon peserta (bagi menyokong cadangan permohonan bantuan projek)	

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

AKU JANJI PESERTA
PROGRAM REZEKI TANI

Dengan ini saya …… *(Nama peserta),* …… *(Nombor Kad Pengenalan)* peserta Program Rezeki Tani di bawah bimbingan …… *(Jabatan / Agensi)* bersetuju untuk melaksanakan Projek …… *(Skop dan Jenis Projek)* dan berjanji untuk:

1. Menggunakan bantuan / peralatan projek bagi tujuan meningkatkan pendapatan.

2. Menjaga bantuan / peralatan projek dengan baik dan selamat.

3. Menanggung / membayar sendiri semua kos membaiki dan menyelenggara peralatan projek.

4. Menyimpan dengan baik rekod atau dokumen (contoh: waranti, kaedah penggunaan) peralatan projek dan membenarkan pegawai pelaksana memeriksa rekod atau dokumen tersebut.

5. Membenarkan pegawai pelaksana memasuki premis bagi tujuan memeriksa peralatan projek semasa lawatan pemantauan dijalankan.

6. Membenarkan pegawai pelaksana mengambil semula peralatan yang tidak digunakan setelah tiga (3) kali surat peringatan dikeluarkan oleh Jabatan / Agensi.

7. Memaklumkan kepada pegawai pelaksana dengan secepat mungkin sekiranya peralatan projek rosak, tidak boleh dibaiki, hilang atau dicuri.

8. Membuat laporan polis sekiranya peralatan projek hilang atau dicuri.

9. Tidak akan menjual, menyewa, memajak, menggadai atau melepaskan pemilikan ke atas peralatan projek kepada pihak lain.

10. Tidak akan membuat apa-apa tuntutan ganti rugi atau pampasan terhadap pegawai dan Jabatan / Agensi pelaksana Program Rezeki Tani jika berlaku kecederaan, kemalangan atau kematian akibat daripada penggunaan atau penyimpanan peralatan projek.

11. Membenarkan butir-butir peribadi saya didedahkan kepada jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan untuk tujuan rujukan.

12. Bersetuju bahawa pihak kerajaan berhak meminda atau menambah apa-apa syarat yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.

13. Akur bahawa sekiranya saya didapati memberi maklumat palsu, tidak benar atau melanggar syarat-syarat yang ditetapkan, kelulusan / bantuan boleh ditarik balik dan boleh dikenakan tindakan undang-undang termasuk tindakan jenayah di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini.

Diakui dan dipersetujui oleh:

Tandatangan : ……

Nama Peserta : ……

No. Kad Pengenalan : ……

Tarikh : ……

Pengesahan pegawai:

Tandatangan : ……

Nama : ……

No. Kad Pengenalan : ……

Tarikh : ……

Cop Rasmi Jabatan / Agensi : ……

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

AKUAN PENERIMAAN BANTUAN

PROGRAM REZEKI TANI

Nama Peserta: _____

No. Kad Pengenalan: _____

Skop dan Jenis Projek: _____

Jabatan / Agensi: _____

BIL.	INPUT / PERALATAN	UNIT

DIAKUI DAN DIPERSETUJUI OLEH:

……

Nama Peserta:

Tarikh Terima:

DISAHKAN OLEH:

……

Nama Pegawai:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh :

Cop Rasmi Jabatan / Agensi:



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

TATACARA PENGGUNAAN SISTEM eKASIH BAGI PROGRAM REZEKI TANI

BAHAGIAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

TATACARA PENDAFTARAN BANTUAN PROGRAM REZEKI TANI DALAM SISTEM eKASIH

Pendaftaran bantuan Program Rezeki Tani dalam Sistem eKasih perlu dibuat oleh **pegawai peringkat Ibu pejabat Jabatan dan Agensi sahaja.**


Hanya **lima (5) bantuan sahaja** perlu didaftarkan dalam Sistem eKasih sepertimana contoh berikut:

I. Program Rezeki Tani 2021 - FAMA - Pertanian
II. Program Rezeki Tani 2021 - FAMA - Penternakan
III. Program Rezeki Tani 2021 - FAMA - Perikanan
IV. Program Rezeki Tani 2021 - FAMA - Pemasaran Hasil Tani
V. Program Rezeki Tani 2021 - FAMA - Pemprosesan dan Pemasaran Produk


Klik **<eKASIH> <Pendaftaran> <Borang Pendaftaran Bantuan>**



Isi ruangan berikut dan klik **<Simpan>**



Paparan skrin setelah bantuan Program Rezeki Tani berjaya didaftarkan:




TATACARA PENDAFTARAN BANTUAN PROGRAM REZEKI TANI PADA PROFAIL PELAKSANA PROJEK

Pendaftaran bantuan Program Rezeki Tani **pada profail pelaksana projek** perlu dibuat **setelah bantuan disalurkan.**


Klik **<eKASIH> <Kemaskini> <Kemaskini Bantuan> <Kemaskini Bantuan KIR atau AIR>**




Masukkan **nombor kad pengenalan pelaksana projek** dan klik **<Cari>**




Klik **<Nama Pelaksana Projek>**




Klik **<Masuk Maklumat>**



Isi ruangan berikut dan klik **<Simpan>**



Paparan setelah bantuan Program Rezeki Tani berjaya didaftarkan pada profail pelaksana projek:



TAMAT